

**Dr Siti Hasmah Sedih Kejadian Campak Bayi Dari Tingkat Tiga  
Bernama  
18 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini melahirkan rasa sedih atas kejadian seorang bayi dicampak dari sebuah apartment di Petaling Jaya, Ahad lepas.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan pendidikan termasuk pendidikan agama dan kaunseling ditekankan dalam mengatasi masalah membuang bayi.

Isteri bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad itu berkata apabila wujud masalah sosial yang melibatkan kehamilan di kalangan remaja, ia akan menjurus kepada gejala pembuangan bayi.

"Rasa sedih, anak yang tidak berdosa, telah dicampakkan begitu sahaja. Kita ni bukan haiwan, bukan binatang, yang tak sayangkan anak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan 'Program Kenali Anak Kita Petronas' di sini Selasa.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kejadian seorang bayi perempuan yang cukup sifat dicampak dari tingkat tiga Apartmen Desa Mentari, Petaling Jaya dekat sini dan mayat bayi itu ditemui di tempat letak kereta Blok 1 pangsapuri itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695315>